



## Pemberian Nafkah Anak oleh Waris: Pelaksanaan dan Kekangan Undang-undang

### *Child Maintenance by Heirs: Implementation and Legal Constraints*

## Undang-Undang Keluarga Islam

18

MOHD HAZWAN ISMAIL

(Corresponding Author)

Calon Ph.D Syariah (Fiqh dan Perundangan Islam)

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

hazwanismail@student.usm.my

Submitted: 8 Julai 2021

Revised: 28 September 2021

Accepted: 25 October 2021

E-Published: 31 October 2021

JASNI SULONG

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

jasni@usm.my

### ABSTRAK

Bapa adalah orang yang bertanggungjawab untuk memberi nafkah kepada anak. Nafkah anak berteraskan keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal dan ia diberikan berdasarkan kemampuan seorang bapa. Sekiranya bapa telah meninggal dunia atau tidak mampu untuk menanggung nafkah anaknya, maka dalam hukum Syarak dan juga peruntukan undang-undang di Malaysia mewajibkan pembiayaan nafkah diambil alih oleh ahli waris seperti datuk atau bapa saudara. Ini bagi mengelak anak-anak daripada teraniaya dan terjejas kebajikan hidup dan masa depan mereka. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan yang timbul dalam penguatkuasaan pembiayaan nafkah oleh waris iaitu pembayaran secara pemotongan gaji melalui akaun wang pencen. Pemotongan gaji tersebut terikat dengan Akta Pencen 1980 (Akta 227) yang menghalang serahmilik nafkah secara pemotongan wang pencen daripada datuk kepada cucu atau daripada bapa saudara kepada anak saudara. Dalam artikel ini, metode yang digunakan adalah berdasarkan kajian kepustakaan yang merujuk maklumat daripada kitab fiqh, jurnal dan statut undang-undang untuk dianalisis bagi mendapatkan kesejajaran dengan hipotesis kajian dan memenuhi kelompongan kajian lalu. Selain itu, metode kajian juga merujuk kepada metode analisis kes bagi mengenalpasti kekangan yang sebenar yang berlaku dalam pelaksanaan undang-undang dan perintah mahkamah. Skop kajian dilakukan di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang. Kajian mendapati, tiada masalah untuk menguatkuasakan perintah nafkah yang melibatkan pemotongan gaji daripada majikan sama ada daripada agensi Kerajaan atau swasta ke atas anak atau isteri masing-masing. Namun, terdapat





kekangan cara pelaksanaan untuk pemotongan pencen daripada waris datuk kepada cucu. Oleh itu, secara tidak langsung penguatkuasaan pembayaran akan terjejas dan memerlukan tindakan penambahbaikan daripada pihak yang terlibat dengan segera.

**Kata Kunci:** Nafkah, Anak, Datuk, Undang-Undang, Mahkamah Syariah.

## ABSTRACT

The father is the person responsible for providing for the child. Child support is based on basic needs such as food, clothing and shelter and it is given based on a father's ability. If the father has died or is unable to support his child, then in Islamic law and also the provisions of law in Malaysia it is mandatory for maintenance financing to be taken over by heirs such as grandfathers or uncles. This is to prevent children from being abused and affected by the welfare of their lives and future. However, there are constraints that arise in the enforcement of alimony financing by heirs, namely payment by salary deduction through pension money account. The salary deduction is bound by the Pensions Act 1980 (Act 227) which prohibits the assignment of alimony by deducting pension money from grandfather to grandson or from uncle to nephew. In this article, the method used is based on a literature review that refers to information from fiqh books, journals and legal statutes to be analyzed to obtain alignment with the research hypotheses and meet the gaps of past studies. In addition, the study method also refers to the case analysis method to identify the actual constraints that occur in the implementation of laws and court orders. The scope of the study was conducted in the Penang State Syariah Court. The study found that there was no problem in enforcing alimony orders involving salary deductions from employers either from Government or private agencies on their respective children or spouses. However, there are constraints on the method of implementation for pension deduction from the heirs of the grandfather to the grandson. Therefore, indirectly the enforcement of payments will be affected and require remedial action from the parties involved immediately.

**Keywords:** Alimony, Child, Grandfather, Law, Syariah Court.

## PENGENALAN

Kewajipan nafkah anak terletak kepada bapanya. Hal ini telah ditetapkan dalam al-Qur'an dalam surah al-Baqarah ayat 233 dan juga hadis Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.*

(Al-Baqarah, 2: 233)

Ayat ini menunjukkan dengan jelas bahawa bapa bertanggungjawab dalam hal nafkah, dan bukannya ke atas ibu. Berdasarkan hadith pula, Rasulullah SAW bersabda:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيحٌ، لَا يُعْطِينِي مِنَ النَّفَقَةِ مَا يَكْفِينِي وَيَكْفِي بَنِيَّ، إِلَّا مَا  
أَخَذْتُ مِنْ مَالِهِ بِغَيْرِ عِلْمِهِ، فَهَلْ عَلَيَّ فِي ذَلِكَ مِنْ جُنَاحٍ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ: خُذِي مِنْ مَالِهِ بِالْمَعْرُوفِ، مَا يَكْفِيكَ وَيَكْفِي بَنِيكَ.

Bermaksud: "Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang kedekut. Dia tidak memberi kepada saya belanja yang cukup untuk saya dan anak saya kecuali jika tidak, saya ambil dengan tidak diketahuinya. Rasulullah menjawab; "Ambillah olehmu daripada hartanya sekadar yang mencukupi keperluanmu dan anakmu dengan cara yang baik."

(Al-Bukhari, t.t).

Hadis ini menekankan kewajipan bapa ke atas nafkah sehingga diharuskan kepada isteri untuk mencuri duit suaminya bagi menyempurnakan pembiayaan nafkah ini, sekiranya suami atau bapa cuai dengan tanggungjawab tersebut.

Sekiranya suami atau bapa tersebut tidak mampu, Syarak membenarkan waris kerabat kepada suami atau bapa terbabit untuk memberi nafkah kepada anak tersebut. Kebenaran tersebut diharuskan atas alasan yang munasabah seperti miskin, mengalami kesakitan berpanjangan yang tidak sembuh, tua yang mengakibatkan kudrat yang lemah dan tidak berdaya serta hilang tanpa dikesan. Oleh itu, sebahagian fuqaha menyatakan nafkah anak boleh berpindah kepada waris-waris yang lain seperti isteri (Al-Zuhaili, 2001), datuk (Al-Shirbini et. al, 2001) dan saudara (Mansur ibn Yunus ibn Idris al-Buhuti, 1974) sebelah bapa atau saudara sebelah ibu. Pindahan nafkah ini bersifat sementara sahaja dan terjadi hutang sekiranya si bapa kembali sihat dan mempunyai kemampuan kewangan semula (Al-Zuhaili, 2001).

Fuqaha mempunyai beberapa pandangan berhubung waris yang dipertanggungjawabkan bagi menggantikan bapa. Pendapat pertama ialah daripada 'Ala' al-Din al-Kasani ('Ala' al-Din al-Kasani, 1982) dari Mazhab Hanafi. Beliau berpendapat bahawa nafkah anak yang perlu ditanggung ialah ke atas saudara-saudara yang haram dikahwini sahaja atau disebut *mahram* kepada anak-anak terbabit. Antara yang wajib ialah ke atas datuk yang mempunyai harta berlebihan dan boleh menanggung cucunya, atau ke atas ibu yang masih mempunyai kudrat untuk bekerja dan mencari nafkah bagi membiayai keperluan sara hidup anaknya.

Sekiranya setiap waris *mahram* di atas hanya mampu menanggung nafkah secara berkongsi. Terdapat kadar tertentu yang diwajibkan ke atas mereka. Kadar pembahagian nafkah yang telah ditetapkan antara ibu, datuk dan nenek ialah ibu bertanggungjawab menanggung sebanyak satu pertiga dan datuk iaitu bapa kepada bapa pula sebanyak dua pertiga. Sekiranya si ibu tidak mampu untuk menanggung nafkah tersebut, maka tanggungjawab diletakkan kepada waris ke atas

iaitu *usul* yang terdiri daripada datuk dan nenek. Beban adalah lebih berat di sebelah bapa dengan kadar bagi datuk dan nenek sebelah ibu adalah sebanyak satu perenam dan selebihnya (5/6) ditanggung oleh datuknya sebelah bapa. Sekiranya nenek sebelah bapa dan nenek sebelah ibu menanggung nafkah tersebut sama-sama, maka kadarnya adalah sebanyak satu perenam dibahagi kepada dua iaitu setengah dari satu perenam. Baki sebanyak lima perenam ditanggung sepenuhnya oleh datuk sebelah bapa (Al-Zuhaili, 2001).

Seterusnya pendapat yang kedua adalah al-Shirbini (Al-Shirbini et. al, 2001) dari Mazhab Syafie. Beliau dengan jelas mengatakan keturunan ke atas iaitu lapisan pertama disebut *usul* adalah merangkumi datuk dan ke atas seperti moyang dan lain-lain. Sekiranya tiada keturunan ke atas, maka ia berpindah kepada keturunan ke bawah yang disebut lapisan kedua iaitu *furu'* iaitu cucu, cicit dan lain-lain (Al-Shirbini et. al, 2001). Perpindahan dan penggantian tanggungjawab nafkah ini diambilkira dengan menqiayakan kepada kaedah pengagihan hak pusaka. Oleh kerana datuk adalah pengganti bapa daripada segi hak maka begitu juga dari segi tanggungjawab (Al-Zuhaili, 2001). Dalam kaedah Fekah disebut keuntungan mesti selari dengan kerugian dan kerugian selari dengan keuntungan (الغرم بالغنم والغرم بالغرم).

Oleh itu, pihak yang mendapat hak daripada kematian seseorang akan juga mendapat tanggungjawab daripada keadaan yang sama. Justeru, waris yang perlu memberi nafkah selepas seorang bapa tidak mampu adalah berpindah kepada datuk sebagai waris pengganti, kemudian baharulah ia diikuti oleh keturunan *usul* yang lain. Seterusnya berpindah kepada *furu'* sekiranya tiada waris *usul* yang berkemampuan.

Manakala lapisan ketiga ialah waris *hawasyi* iaitu saudara-saudara lelaki dan perempuan sebelah ibu dan sebelah bapa. Perpindahan kepada saudara-saudara tersebut adalah merujuk kepada kaedah hak untuk mendapat harta pusaka juga. Pendapat ini adalah daripada Idris al-Buhuti (Mansur ibn Yunus ibn Idris al-Buhuti, 1974) yang bermazhab Hanbali. Keutamaan mereka untuk menerima pusaka dan dalam pada masa yang sama memikul tanggungjawab nafkah adalah selari dengan kaedah “الغرم بالغنم والغرم بالغرم” di atas.

Hak waris *hawasyi* untuk mewarisi harta pusaka sama ada secara *fardu* atau *asabah* ada diperuntukkan dalam Surah al-Baqarah ayat 233, iaitu Firman Allah SWT:

..... وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ .....<sup>١</sup>

Bermaksud: “..... dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada)......”

(Al-Baqarah, 2: 233)

Ayat tersebut memberi maksud bahawa tanggungjawab nafkah seperti hak pusaka yang akan berpindah kepada waris lain sekiranya bapa tiada ataupun tidak berkemampuan. Hujah ini dikuatkan lagi oleh hadis yang meletakkan keutamaan

saudara perempuan dan saudara lelaki adalah selepas kedudukan ibu bapa. Sabda Nabi S.A.W:

من أبر؟ قال: أمك وأباك وأختك وأخاك

*Bermaksud: "Siapakah yang patut saya buat baik?" Baginda menjawab, "Ibumu, bapamu, saudara perempuanmu dan saudara lelakimu".*

(Imam al-Ghazali, t.t)

Jelas dengan merujuk kepada hadis ini, tidak ada orang lain yang berhak atau yang lebih utama dalam memberi nafkah melainkan dari kalangan waris yang mempunyai hubungan rapat (keluarga/kerabat). Ia dapat menjamin kebajikan pada anak itu kerana jika terdapat kekeluargaan yang rapat, keselamatan dan juga hak keperluan asas yang wajib dapat ditunaikan. Kiraan nilai nafkah anak itu juga adalah berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan dalam perwarisan. Berdasarkan kefahaman nas ini, selepas ketiadaan bapa atau ibu untuk memberi nafkah, waris yang selayaknya untuk memikul tanggungjawab nafkah adalah dari saudara perempuan atau saudara lelaki (Al-Zuhaili, 2001).

Pendapat yang ketiga atau yang terakhir adalah meletakkan tanggungjawab utama penggantian ini kepada isteri atau ibu sahaja. Sekiranya bapa tiada atau tidak mampu menanggung nafkah, maka isteri atau ibu akan mengambil-alih tugas tersebut. Pendapat ini dijelaskan oleh ulama' kontemporari iaitu Al-Zuhaili. Beliau menjelaskan kewajipan bagi seorang ibu menanggung nafkah anak tersebut hanyalah bersifat sementara saja bagi mengelakkan kemudaratan pada masa yang diperlukan. Ini supaya kehendak dan keperluan anak pada waktu itu dapat dipenuhi dengan sebaiknya. Namun begitu, keutamaan nafkah masih terpikul ke atas bapa dan si bapa tidak terlepas dari tanggungjawabnya kerana ia ialah *usul* utama. Jika si ibu menanggung anak tersebut dengan mendahului wangnya terlebih dahulu, maka wang itu akan menjadi hutang kepada si bapa. Si bapa wajib membayar upah dan mengganti wang isterinya semula apabila beliau telah memiliki kemampuan (Al-Zuhaili, 2001).

Perkara ini diperuntukkan dalam peruntukan undang-undang di setiap negeri di Malaysia, Seksyen 72 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 sebagai contoh yang memperuntukkan:-

- (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah

*memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.*

- (2) Kecuali seperti tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggung di bawah Hukum Syarak, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.*

Seksyen 72(1) di atas menjelaskan tentang kewajipan seorang bapa untuk menanggung nafkah anak-anaknya, sama ada mereka berada dalam jagaannya atau jagaan mana-mana orang lain. Jelas di dalam peruntukan mencatat perkataan "lelaki" dan bukannya perempuan yang menafikan tanggungjawab isteri atau ibu dalam menanggung nafkah. Penggunaan istilah lelaki ini juga bagi mengelak daripada tanggapan bahawa nafkah hanya terletak kepada bapa sahaja. Ini kerana jika istilah "bapa" sahaja yang digunakan, maka sekiranya bapa tersebut tidak mampu dan juga telah meninggal dunia maka tiada lagi orang yang akan menanggung nafkah anak tersebut. Justeru, istilah "lelaki" di dalam Enakmen ini akan memberi makna yang lebih luas iaitu sekiranya bapa tidak berkemampuan, hilang atau kematian, tanggungan itu akan berpindah kepada "lelaki" lain seperti datuk, bapa saudara, saudara seibu sebapa, saudara sebapa atau saudara seibu (Abdul Walid Abu Hassan, 2016) mengikut keutamaan dalam susunan faraid. Malah kelebihan bagi kaum lelaki dalam pembahagian faraid yang mendapat lebih banyak daripada waris wanita adalah kerana mereka perlu menanggung nafkah waris yang lain sekiranya mereka adalah waris terdekat dan bantuan mereka diperlukan (Rozi Bainon, 1999).

Sekiranya si ibu telah mengadu di mahkamah mengenai kegagalan bapa memberi nafkah, si bapa perlu menjawab tuntutan atau aduan tersebut dengan mengemukakan apa-apa dokumen atau saksi-saksi yang menyatakan beliau tidak mampu untuk menanggungnya. Sekiranya si ibu mahu menuntut waris lain selain bapa untuk membiayai nafkah anak akibat kematian suami atau suami hilang (Zainul Rijal Abu Bakar et. al, 2018), maka si ibu juga perlu mengemukakan dokumen sijil kematian si mati (bapa) atau saksi-saksi yang boleh memberi keterangan kepada mahkamah. Syarat ini penting dan perlu dikemukakan kepada mahkamah sekiranya si ibu ingin memohon nafkah anak daripada waris si bapa yang lain. Setelah dibicarakan, mahkamah boleh memerintahkan pada bila-bila masa sahaja bahawa orang yang menanggung nafkah anak berpindah kepada waris lelaki yang lain seperti datuk, bapa saudara atau lain-lain. Mahkamah akan memerintahkan dan mengeluarkan dokumen penghakiman yang mempunyai kuasa undang-undang. Sekiranya waris yang diperintahkan atau dipertanggungjawabkan itu gagal mematuhi, maka si ibu boleh mengadu hal tersebut kepada mahkamah semula untuk tindakan undang-undang kerana menghina perintah mahkamah dan sebagainya (Abdul Walid Abu Hassan, 2016).

Melalui objektif dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti pembayaran nafkah kepada cucu sekiranya bapa tidak berkemampuan untuk melaksanakannya. Para fuqaha' membincangkan berdasarkan dalil-dalil yang mewajibkan kepada waris untuk membayar nafkah. Selain itu, kajian ini juga turut menilai sejauhmana pembayaran yang dibolehkan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. Ini kerana terdapat kekangan untuk pelaksanaannya apabila terdapat peruntukan undang-undang dari Akta lain yang telah meniadakan pembayaran nafkah dari datuk kepada cucu.

Melalui kajian ini juga, ia dijalankan untuk mencapai tujuan yang dinyatakan dan mempunyai signifikan dari segi teori dan amalan, polisi serta praktikal dalam melaksanakan pembayaran nafkah dari waris. Akta yang telah menafikan pembayaran nafkah tersebut perlu dipinda agar pembayaran tersebut dapat disalurkan dengan baik untuk diserahkan hak kepada yang berhak.

## TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur adalah berkaitan kajian lepas yang telah dikaji berkenaan tema-tema dalam pembiayaan nafkah oleh bapa. Kebanyakan kajian memfokus kepada teori asas dalam nafkah, jenis-jenis nafkah, kandungan dalam nafkah dan juga mengenai kegagalan si bapa dalam menunaikan tanggungjawab tersebut.

Dalam konteks kewajipan nafkah, Subaidi (2014) menyatakan suami ialah orang yang wajib untuk memberi nafkah kepada isteri setelah akad nikah berlaku antara mereka. Begitu juga setelah pasangan tersebut memperolehi anak, maka suami yang menjadi bapa adalah orang yang bertanggungjawab untuk memberi nafkah. Namun begitu, sekiranya bapa hilang tanpa dikesan, Subaida (2014) menyatakan bahawa datuk yang masih hidup dan berkemampuan adalah bertanggungjawab memberi nafkah kepada cucunya. Ini kerana tanggungjawab memberi nafkah adalah merupakan kewajipan ke atas kaum lelaki. Tanggungjawab nafkah ini membezakan peranan antara lelaki dan wanita. Lelaki bertanggungjawab di luar rumah mencari rezeki, manakala wanita bekerja di dalam rumah dengan memberi komitmen yang penuh kepada anak-anak dan rumahtangga.

Perbincangan bahawa tanggungjawab nafkah ialah antara tugas bapa dan datuk, adalah tidak terhenti setakat waris tersebut sahaja. Sekiranya datuk sudah tiada ataupun kudratnya sudah lemah sehingga tidak terdaya untuk bekerja, maka tanggungjawab tersebut akan berpindah kepada waris *usul*, *furu'* dan *hawasyi*. Menurut Zakiah Dradjat (1999), kitaran tanggungjawab nafkah ini hanya berkisar pada *usul*, *furu'* dan *hawasyi* yang merupakan hubungan dalam sesebuah keluarga. Kajian ini mengenalpasti salasilah hubungan dengan tahap hubungan yang lebih jauh seperti *usul* yang merujuk keturunan keluarga ke atas seperti bapa, datuk, moyang, buyut, cakawari, cilawagi dan ke atas lagi. *Furu'* pula jalur keluarga di bawah iaitu anak, cucu, cicit, piut dan oneng-oneng. Manakala *hawasyi* ialah keturunan keluarga melintang seperti bapa saudara dan ibu saudara. Pemberian nafkah perlu kepada *usul* terlebih dahulu dan kemudian disusuli *furu'* dan *hawasyi*.



Bahiyah Ahmad et. al. (2013) dalam membincangkan tanggungjawab nafkah turut melihat kepada *had kifayah* dan kemampuan si bapa. Sekiranya kemampuan ini tiada, misalnya bapa kepada anak tersebut telah meninggal dunia atau sudah tidak berupaya maka seorang ibu boleh menuntut nafkah anak beliau daripada ahli waris yang lain seperti datuk iaitu bapa kepada suaminya. Selain itu, jika datuknya juga tiada, maka berlaku tanggungjawab untuk memberi nafkah kepada waris-waris lain mengikut kepada tertib *'asabah* dalam ilmu faraid yang bermula daripada bapa kepada bapa, anak lelaki atau anak lelaki kepada anak lelaki (cucu lelaki), saudara lelaki seibu sebapa dan saudara lelaki sebapa. Sekiranya semua waris sudah tiada, maka pihak Baitulmal mengambil tanggungjawab untuk membayar nafkah tersebut.

Penjelasan dari tinjauan literatur di atas membincangkan tanggungjawab ahli waris selepas kematian bapa atau bapa yang tidak berupaya dalam memberi nafkah kepada anak. Ini jelas menunjukkan bahawa memberi nafkah kepada anak adalah penting bagi memenuhi keperluan untuk kesinambungan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, penjelasan-penjelasan tersebut hanyalah sebagai maklumat umum sahaja dan tiada pertikaian atau kekangan yang berlaku. Ini menunjukkan masyarakat boleh menerima dengan pemakaian undang-undang yang terdapat dalam negara ini.

## **METODOLOGI**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif di mana data-data dikumpulkan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Antara dokumen yang diguna adalah kitab fiqh, kertas ilmiah dan jurnal yang membincangkan teori, amalan dan rujukan statut perundangan di Malaysia. Metode temubual juga digunakan secara tidak berstruktur dalam menyokong dan menguatkan data-data yang telah dihuraikan. Temubual ini dijalankan bersama Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang. Selain itu, turut digunakan analisis kes daripada kes-kes di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang untuk membantu dalam menyokong data-data. Kaedah kes tersebut akan menjelaskan peristiwa atau aktiviti sebenar yang digunakan untuk menghuraikan kes yang mempunyai kaitan dengan kajian ini.

## **ANALISIS KES**

Terdapat dua contoh kes dari mahkamah Syariah untuk dianalisis bagi menyokong kandungan isi penyelidikan ini.

### **1) Analisis Kes Pertama**

Kes *SFA Iwn ZKA & ZKM (2008)*<sup>1</sup> berkenaan tuntutan nafkah ke atas pihak yang lain yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. Plaintiff ialah pengadu yang menuntut nafkah anak manakala defendan adalah anak tiri plaintiff. Plaintiff telah berkahwin dengan suaminya iaitu bapa kepada anak tiri tersebut pada 14/6/2000 dan meninggal dunia pada 9/10/2004. Suaminya mempunyai dua orang anak dengan isteri

---

<sup>1</sup> Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang No. Kes Mal: 291/2008.



pertama sebelum berkahwin dengan plaintif. Hasil perkahwinan antara plaintif dengan suaminya, mereka dikurniakan dua orang anak.

Pada tahun 2008, plaintif telah memfailkan tuntutan nafkah anak di Mahkamah Tinggi Syariah, dengan memfailkan permohonan tuntutan nafkah anak tersebut untuk ditanggung oleh anak suaminya iaitu anak tiri kepada plaintif. Plaintif telah memohon nafkah anak sebanyak RM1,200 sebulan bagi dua orang anaknya. Mahkamah telah membenarkan nafkah anak dibayar oleh defendan iaitu anak tiri plaintif dan diperintahkan untuk membayar bermula pada 3/8/2011. Justeru, keputusan hakim ini menunjukkan bahawa seorang abang adalah bertanggungjawab untuk menanggung nafkah bagi adiknya, walaupun adik sebapa setelah kematian bapa mereka. Pelaksanaan pembayaran tersebut dilakukan secara tunai atau secara pindahan wang bank elektronik.

## 2) Analisis Kes Kedua

Kes kedua pula iaitu kes *NBK lwn MSH (2019)*<sup>2</sup> berkenaan tuntutan nafkah ke atas bapa yang tidak mampu dan kemudiannya dibayar oleh datuk kanak-kanak. Kes ini didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Plaintif telah memohon tuntutan nafkah anak daripada defendan berjumlah RM1,500 untuk dua orang anak. Mahkamah telah memerintahkan bahawa defendan perlu membayar nafkah anak bermula pada 20/2/2017. Plaintif dan defendan telah berkahwin pada 1/6/2013 dan bercerai pada 20/2/2017.

Setelah dua tahun, plaintif kembali semula ke mahkamah dan mengadu hal kegagalan membayar nafkah anak oleh defendan bermula dari Mac 2017 hingga Disember 2019. Tunggakan nafkah menjadi hutang yang berjumlah RM25,100. Setelah disiasat, didapati defendan sebenarnya tidak mampu untuk membayar nafkah tersebut dan peguam bagi pihak plaintif telah memohon kepada mahkamah supaya hutang tersebut dibayar oleh waris defendan iaitu bapa si suami tersebut.

Mahkamah telah membenarkan waris defendan untuk membayar tunggakan tersebut. Mahkamah telah memerintahkan tunggakan yang perlu dibayar kepada cucu (anak defendan) adalah sebanyak RM200 ansuran bulanan secara Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga (potongan pencen kerana bapa defendan adalah pesara kerajaan) melalui majikan waris defendan. Surat dan Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga mahkamah telah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tindakan pemotongan pencen. Walau bagaimanapun, pemotongan pencen tidak berjaya dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara kerana alasan teknikal.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan amalan dan keputusan kes mahkamah Syariah yang dibentangkan, mahkamah Syariah telah membenarkan perintah nafkah anak dibayar oleh waris berdasarkan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang. Malah undang-undang mengiktiraf pandangan fuqaha yang disokong oleh nas-nas yang dibincangkan

---

<sup>2</sup> Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. No. Kes Mal: 434/2019.

bahawa waris lain kepada si bapa bertanggungjawab membayar nafkah sekiranya waris utama (datuk) tidak mampu atau telah meninggal.

Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan perintah pembayaran nafkah tersebut, terdapat konflik dalam peruntukan undang-undang bagi menjustifikasikan pemindahan duit kepada waris yang selain daripada isteri dan anak. Dalam hal Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (Akta 794), peruntukan ini biasanya diterimapakai bagi pemotongan gaji seseorang suami atau bapa ke atas nafkah tanggungannya. Akta 1968 (Akta 794) ini terpakai ke atas majikan kerajaan atau swasta yang mendapat perintah untuk melakukan pemotongan gaji oleh mahkamah syariah. Seksyen 4(1) memperuntukan:

**“4. Kuasa mahkamah untuk membuat perintah penahanan pendapatan.**

*(1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, mahkamah boleh, atas permohonan orang yang mengenai nafkahnya perintah itu dibuat atau **penjaga orang itu**, membuat suatu perintah penahanan pendapatan jika didapati **oleh mahkamah adil** untuk berbuat demikian.”*

Dalam peruntukan ini, frasa ‘penjaga orang itu’ adalah bermaksud mana-mana orang yang menjaga anak tersebut sama ada daripada kalangan bapa, datuk, abang, adik lelaki atau lain-lain. Oleh kerana perkataan tersebut adalah umum dan tidak dikhususkan mana-mana pihak, mahkamah berkuasa untuk memerintahkan kepada sesiapa sahaja yang didapati bertanggungjawab untuk membayar nafkah berdasarkan hukum Syarak dan juga peruntukan undang-undang. Peruntukan ini adalah terpakai kepada semua yang sedang bekerja pada waktu perintah tersebut dikeluarkan mahkamah.

Walau bagaimanapun, bagi seseorang yang telah bersara daripada kerajaan dan mengambil skim pencen, ia tertakluk kepada Akta Pencen 1980 (Akta 227). Akta Pencen 1980 (Akta 227) ini menggariskan keadaan-keadaan yang boleh diserahkan atau dipindah milik wang pencen yang diterima kepada pihak lain. Seksyen 19 memperuntukan:

**“Pencen, dsb., tidak boleh diserahkan hak**

*19. Apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini tidak boleh diserahkan hak atau dipindah milik, atau ditahan, diasingkan atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan kecuali bagi maksud—*

*(a) menjelaskan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan Persekutuan, atau Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan;*

**(b) menunaikan perintah daripada Mahkamah supaya dibayar secara berkala sejumlah wang untuk nafkah bagi isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa, sama ada sah taraf atau tidak, pegawai yang telah diberikan pencen, ganjaran atau faedah lain itu; atau**

**(c) menunaikan perintah mahkamah yang dikeluarkan berhubung dengan perkara kebangkrutan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengannya.”**

Peruntukan yang berkaitan dengan hal ehwal nafkah adalah pada Seksyen 19(b). Pada sub-seksyen (b) ini, perintah daripada mahkamah untuk nafkah hanya terhad ke atas isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa sama ada yang sah taraf atau tidak. Ia tidak terpakai ke atas selain daripada mereka, seperti ke atas cucu. Oleh yang demikian, berdasarkan kes *NBK lwn MSH (2019)*, mahkamah telah menjelaskan bahawa potongan pencen daripada bapa defendan (waris) kepada cucunya tidak dapat dilaksanakan melalui cara potongan pencen kerana ia tidak diperuntukkan melalui Akta Pencen 1980 (Akta 227) ini. Oleh itu, ia tidak dapat dilakukan secara langsung melainkan sekiranya dibayar melalui tunai seperti yang dilakukan dalam kes *SFA lwn ZKA & ZKM (2008)*.

Berdasarkan peruntukan Akta Pencen 1980 (Akta 227) yang terhad ini, Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan supaya semakan perintah yang dibuat dalam kes *NBK lwn MSH (2019)* perlu difaillkan semula di Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.<sup>3</sup> Ini berikutan perintah tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat Akta Pencen yang menghalang daripada pemotongan pencen tersebut untuk dipindah kepada orang lain selain daripada isteri atau anak. Pihak mahkamah syariah hendaklah mencari alternatif lain bagi memudahkan pelaksanaan perintah nafkah oleh waris yang lain selain bapa ini.

Dalam hal ini, apa yang perlu dijelaskan adalah perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah tidak perlu lagi kepada semakan. Ini kerana konflik yang berlaku bukannya terkait dengan kesahan perintah tersebut, tetapi hanya kepada tatacara atau prosedur dalam mendapatkan serahmilik wang kepada pihak yang menuntut. Justeru, kajian berpandangan peruntukan Seksyen 19(b) dalam Akta Pencen 1980 (Akta 227) yang berkaitan perlu disemak atau dipinda kerana ia menyukarkan pelaksanaan perintah mahkamah syariah ke atas waris selain bapa

---

<sup>3</sup> (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa pengawasan dan penyemakan ke atas semua Mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika didapati perlu olehnya demi kepentingan keadilan, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas kehendak mana-mana pihak atau orang yang berkepentingan, pada mana-mana peringkat dalam apa-apa perkara atau prosiding, sama ada mal atau jenayah, dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod tentang perkara atau prosiding itu dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan. (2) Apabila Mahkamah Tinggi Syariah memanggil rekod sesuatu perkara atau prosiding di bawah subseksyen (1), semua prosiding dalam Mahkamah Rendah Syariah tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara menanti perintah selanjutnya daripada Mahkamah Tinggi Syariah.



dalam pembiayaan nafkah gantian. Penambahbaikan yang bakal dilakukan akan menyenangkan penyaluran wang kepada anak atau isteri, khususnya dalam kes kegagalan mematuhi perintah nafkah. Walaupun pemotongan gaji atau pencen ini mengambil sebahagian pendapatan semasa atau ketika hari tua seseorang, namun ia adalah merupakan tanggungjawab yang wajib ditunaikan terhadap bekas isteri atau anak atau cucu kandung sendiri (Mohd Mirza bin Abdul Rashid, 2021).

## KESIMPULAN

Nafkah adalah kewajipan bagi seorang bapa kepada anaknya. Sekiranya bapa tidak berkemampuan, maka berdasarkan hukum Syarak dan peruntukan undang-undang tanggungjawab tersebut akan berpindah kepada ahli waris yang lain. Aturannya adalah mengikut keutamaan pembahagian faraid berdasarkan kelebihan hak yang diterima. Para fuqaha membincangkan bahawa waris yang bertanggungjawab tidak setakat datuk sahaja, malah pihak yang bertanggungjawab merangkumi waris yang lebih luas yang meliputi waris *usul*, *furu'* dan *hawasyi*. Namun begitu, secara adat dan kebiasaannya dalam masyarakat tanggungjawab itu berlegar sekitar datuk dan bapa saudara sahaja kerana merekalah yang terdekat dengan si anak tersebut. Sekiranya anak tersebut sudah tidak lagi mempunyai ahli waris yang lain, maka pihak Baitulmal akan bertanggungjawab dalam memberi nafkah kepada anak tersebut.

Pada zaman kini terdapat beberapa cara pembayaran yang boleh dilakukan untuk melaksanakan perintah mahkamah berkaitan dengan nafkah seperti pindahan wang dari akaun ke akaun, pindahan wang dari majikan ke akaun penjaga atau ke dalam akaun anak itu sendiri atau sebagainya. Cara pindahan dari akaun ke akaun dengan cara sendiri tidak mempunyai permasalahan kerana boleh dilakukan pada bila-bila masa, tetapi apabila melibatkan majikan, maka terdapat peruntukan lain yang tidak membenarkannya. Kajian mendapati terdapat kekangan yang berlaku dalam cara pembayaran nafkah anak sekiranya melibatkan pindahmilik wang pencen daripada akaun Kerajaan. Peruntukan hanya membataskan pindahmilik setakat isteri atau bekas isteri atau anak yang belum dewasa sama ada yang sah taraf atau tak sah taraf. Sekatan ini menyekat wang pencen dipindahkan kepada cucu atau anak saudara. Ini jelas menunjukkan bahawa peruntukan Akta Pencen 1980 (Akta 227) tidak selari dengan keperluan perundangan yang ada sekarang. Sewajarnya ada pindaan undang-undang ke atas Seksyen 19(b) bagi memastikan kekangan ini dapat diangkat dan menjamin kebajikan cucu atau anak saudara yang diletakan di bawah penjaga tersebut.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kajian ini ditujukan kepada Pegawai Syariah di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM).



## RUJUKAN

- Abdul Walid Abu Hassan. (2016). *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Selangor: Universiti Islam Malaysia.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.
- Alaudin al-Kasani. (1982). *Al-Badai al-Sanai*, juz 4. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- Al-Shirbini, Al-Khatib, Sheikh Muḥammad. (2001). *Mughni al-Muhtaj*, Jilid 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Bahiyah Ahmad, Mazni Abd Wahab, Raihanah Azahari & Asmak Ab Rahman (2013). *Pentaksiran Nafkah Anak Berasaskan Kriteria Kifayah dan Ma'ruf: Kajian Kes di Malaysia*. Jurnal Syariah, Vol. 21, No. 3: UM.
- Al-Bukhārī Muḥammad bin Ismāīl, Abū 'Abd Allāh. (1987). *Al-Jāmi' al-ṣaḥīḥ al-Muktaṣar*, ed. Muṣṭafā Dīb al-Bughā, c.3. Beirut: Dār Ibn Kathīr. 5.2052.
- Imam al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad at-Tusii. (t.t). *Ihya Ulum ad-Din*, juz 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mansur ibn Yunus ibn Idris al-Buhuti. (1974). *Kashshaf al-Qina*, juz 5. Makkah: Matba'at al-Hukumah.
- Muslim bin Hajjāj Abū al-Hussain al-Qusyairī al-Naisābūrī. (t.t). *ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā al-Turāth al-A'rabī. 3.1338.
- Muslim ibn al-Hajjaj. *Kitab al-Āqdiyah*, Bab Qadiyyah Hindun, no. hadis: 1714.
- Rozi Bainon. (1999). *Wanita Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Subaida (2014). *Konsep Nafkah Menurut Hukum Islam*. Jurnal Studi Hukum Islam, Vol. 1, No. 2.
- Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang dan bekas hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Perlis dan Negeri Sembilan, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 19hb Februari 2021.
- Zainul Rijal Abu Bakar, Nurhidayah Muhammad Hashim. (2018). *Sebelum dan Sesudah Ijab & Kabul, Perspektif Undang-undang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.



The current issue and full text archive of this journal is available at  
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Zakiah Dradjat (1999). *Ilmu Fiqh Jilid 2*. Yogyakarta: PT. Dana Bakti Wakaf.

Al-Zuhaili. Wahbah (2001). *Fiqh Dan Perundangan Islam Jilid vii*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.